## Praktis Topikal 5

### Bahagian A Soalan Objektif

*Jawab* **semua** *soalan berikut dengan memilih jawapan yang paling* **tepat**.

**1** Mengapakah tamadun awal dunia bermula dan berkembang di kawasan lembah sungai?
- **A** Membekalkan sumber makanan
- **B** Mengelak daripada bencana alam
- **C** Mengelak serangan binatang buas
- **D** Membekalkan air kepada tanaman

**2** Berikut merupakan tamadun awal dunia, **kecuali**
- **A** Tamadun Mesopotamia
- **B** Tamadun Mesir Purba
- **C** Tamadun Yunani
- **D** Tamadun Indus

**3** Peta 1 menunjukkan lokasi tamadun awal dunia.




Peta 1

Apakah tamadun **Y** dan **Z**?

| | Y | Z |
|---|---|---|
| **A** | Tamadun Mesir Purba | Tamadun Indus |
| **B** | Tamadun Huang He | Tamadun Mesopotamia |
| **C** | Tamadun Mesopotamia | Tamadun Mesir Purba |
| **D** | Tamadun Indus | Tamadun Huang He |

**4** Manakah antara berikut merupakan kerajaan terawal dalam Tamadun Mesopotamia?
- **A** Asyria
- **B** Akkad
- **C** Babylon
- **D** Sumeria

**5** Pilih pernyataan yang **benar** tentang Bulan Sabit Subur.

I Kawasan yang subur dan luas
II Terletak di tengah-tengah negara kota
III Dibina daripada simen yang dijadikan bata
IV Berkembang menjadi sebuah bandar besar

- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**6** Mengapakah Mesir dikatakan hadiah Sungai Nil?
- **A** Sungai Nil merupakan pelabuhan terkenal
- **B** Sungai Nil membawa lumpur hitam yang subur
- **C** Sungai Nil membekalkan sumber makanan mencukupi
- **D** Sungai Nil sebagai jalan pengangkutan dan perhubungan

**7** Maklumat berikut berkaitan dengan kerajaan dalam Tamadun Mesir Purba.

Kerajaan Pertengahan
(2 100 – 1 650 SM)

Apakah ibu kota kerajaan tersebut?
- **A** Giza
- **B** Thebes
- **C** Memphis
- **D** Heliopolis

**8** Antara kerajaan awal Tamadun Huang He ialah

I Xian
II Zhou
III Shang
IV Yangtze

- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**9** Maklumat berikut berkaitan dengan Tamadun

- Mohenjo-Daro
- Harappa

- **A** Mesopotamia
- **B** Mesir Purba
- **C** Huang He
- **D** Indus



LIVEWORKSHEETS

**10** Antara berikut, yang manakah merupakan sumbangan Tamadun Mesir Purba dalam aspek teknologi?
**A** Pembinaan terusan dan pengairan
**B** Penciptaan kompas magnetik
**C** Penciptaan alatan besi
**D** Penciptaan emas

**11** Sumbangan utama Tamadun Indus kepada dunia ialah
**A** sistem tulisan
**B** sistem kalendar
**C** penciptaan roda
**D** perancangan bandar

**12** Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pemerintahan tamadun awal dunia.

- Raja berkuasa mutlak
- Raja mempunyai pandangan kehidupan selepas mati

Maklumat tersebut berkaitan dengan Tamadun
**A** Indus **C** Mesir Purba
**B** Huang He **D** Mesopotamia

**13** Apakah sumbangan Hammurabi dalam Tamadun Mesopotamia?
I Mencipta wang syiling
II Memperbaiki sistem pungutan cukai
III Mewujudkan Kod Undang-undang Hammurabi
IV Membina sistem perparitan dan pembetungan
**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**14** Raja dalam Tamadun Mesir Purba dikenali sebagai Firaun.
Apakah sumbangan beliau dalam mewujudkan keamanan di Mesir Purba?
I Memperbaiki sistem pungutan cukai
II Membina terusan bagi mengairi kawasan pertanian
III Membentuk kestabilan dan kemakmuran ekonomi
IV Menggalakkan kegiatan perdagangan menggunakan jalan sungai
**A** I dan II **C** II dan III
**B** I dan IV **D** III dan IV

**15** Pembangunan pertanian dalam Tamadun Huang He telah menyumbang kepada kemajuan
I teknologi pengairan
II teknologi pembajakan
III penciptaan cangkul dan sabit
IV penciptaan kenderaan beroda
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**16** Berikut ialah sistem tulisan dalam Tamadun Mesopotamia.



Tulisan tersebut dikenali sebagai
**A** tulisan kawi
**B** tulisan hieroglif
**C** tulisan piktograf
**D** tulisan kuneiform

**17** Apakah fungsi binaan zigurat dalam Tamadun Mesopotamia?
**A** Rumah ibadat
**B** Pusat pendidikan
**C** Dewan perhimpunan
**D** Menyimpan mayat raja



LIVEWORKSHEETS